KOSPEM

**KOPERASI SEBAGUNA PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA BERHAD** (Bil Daftaran: 4379-bth: 08-2-1968)
No. 6, Jalan SS 19/D
47500 Subang Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : (03) 5634 3902 / 5634 3968 Faks : (03) 5637 1405 / 5637 1972

| PEMOHON | |
|---|---|
| Nama | |
| No K/P | |

| PEGAWAI PEMASARAN |
|---|
| |

**SENARAI SEMAKAN**

| NO | PERKARA | | BIL SALINAN | PP | KOOP | CATITAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Borang Permohonan Pembiayaan | KP01 | 1 | | | |
| 2 | Surat Pengesahan Jawatan | KP02 | 1 | | | |
| 3 | Kebenaran Menolak Gaji Akhir (Berhenti) | KP03 | 1 | | | |
| 5 | Perlantikan Wakil Bagi Menyempurnakan Akad | KP04 | 1 | | | |
| 6 | Perjanjian Jualan | KP05 | 1 | | | |
| 7 | Perjanjian Belian | KP06 | 1 | | | |
| 8 | Surat Tawaran Pembiayaan Peribadi | KP07a –KP07d | 1 | | | |
| 9 | Borang Keanggotaan (jika bukan anggota) | KP08a – KP08b | 1 | | | |
| 10 | Borang Penamaan | KP09 | 1 | | | |
| 11 | Arahan Penyelesaian Penuh Baki Pembiayaan Sedia Ada | KP10 | 1 | | | |
| 12 | Surat Kebenaran Potongan Gaji | KP11 | 1 | | | |
| 13 | Surat Akuan Pengesahan Ansuran Bulanan | KP12 | 1 | | | |
| 14 | Surat Akaun Pengesahan Tanggungan Hutang | KP13 | 1 | | | |
| 15 | Notis / Keizinan oleh Anggota | KP14 | 1 | | | |
| 16 | Borang PDPA | KP15 | 1 | | | |
| 17 | Borang BPA 1/79 | Lampiran | 1 | | | |
| 18 | Slip gaji asal yang terkini | Lampiran | 1 | | | |
| 19 | Salinan slip gaji terkini | Lampiran | 3 | | | |
| 20 | Salinan slip gaji – 2 bulan terdahulu | Lampiran | 3 + 3 | | | |
| 21 | Salinan Kad Pengenalan Pemohon | Lampiran | 3 | | | |
| 22 | Salinan Sijil Kelahiran (PDRM – jika berkenaan) | Lampiran | 3 | | | |
| 23 | Salinan Muka Depan Buku Simpanan (MAYBANK) | Lampiran | 1 | | | |
| 24 | Salinan Bil Utiliti | Lampiran | 1 | | | |
| 25 | Surat Penyelesaian Hutang dan Salinan (jika berkeaan) | Lampiran | 1 | | | |
| 26 | Surat Opsyen (jika berkeaan) | Lampiran | 1 | | | |
| 27 | Penyata Bank Terkini mengikut No. Akaun dalam slip gaji 3 bulan terkini | Lampiran | 1 | | | |
| 28 | Salinan Penyata KWSP (jika berkenaan) | Lampiran | 1 | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |

KOSPEM

KOPERASI SEBAGUNA PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA BERHAD (Bil Daftaran: 4379-bth: 08-2-1968)
No. 6, Jalan SS 19/D
47500 Subang Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : (03) 5634 3902 / 5634 3968 Faks : (03) 5637 1405 / 5637 1972

| BUTIR-BUTIR PEMBIAYAAN | CARA PEMBAYARAN |
|---|---|
| Jumlah Pembiayaan Yang Dipohon : RM______ | Potongan gaji majikan ______ |
| Tempoh Pembiayaan : ☐☐☐ bulan | Potongan gaji oleh BPA ______ |
| | Melalui Arahan Tetap Bank ______ |

## KETERANGAN PERIBADI PEMOHON

Nama ☐☐☐☐ No. K/P Baru ☐☐☐☐☐☐ - ☐☐ - ☐☐☐☐
No. Polis
No. K/P Lama

Alamat ☐☐☐☐ Poskod ☐☐☐☐☐

Tarikh Lahir ☐☐ / ☐☐ / ☐☐☐☐ Umur ☐☐ Jantina : L/P ☐ Warganegara ☐☐☐☐

Bangsa : ______ Perkahwinan: Sudah/Belum/Lain-lain* Bil. Tanggungan ☐☐ Tanggungan yang bersekolah ☐☐

Tel Rumah: ______ Tel Bimbit : ______ Tel Pejabat: ______ Jawatan: ______

Nama & Alamat Majikan ☐☐☐☐ Poskod ☐☐☐☐☐

Jawatan : Tetap/Kontrak/Sementara * Gaji Bulanan : RM ______ Lama Bekerja ☐☐ tahun Kod Jabatan: ______ No. Pekerja/No. Gaji: ______

SAUDARA TERDEKAT : Nama ______ Hubungan : ______

Alamat ______ Tel : ______

Alamat surat-menyurat : Pejabat/Rumah *

## BUTIR PENJAMIN

Nama ☐☐☐☐ No. K/P Baru ☐☐☐☐☐☐ - ☐☐ - ☐☐☐☐
No. Polis
No. K/P Lama

Alamat ☐☐☐☐ Poskod ☐☐☐☐☐

Tarikh Lahir ☐☐ / ☐☐ / ☐☐☐☐ Umur ☐☐ Jantina : L/P ☐ Warganegara ☐☐☐☐

Tel Pejabat: ______ Tel Rumah: ______ H/P No. : ______ Bangsa : ______

Nama & Alamat Majikan ☐☐☐☐ Poskod ☐☐☐☐☐

Jawatan: ______ Tetap/Kontrak/Sementara * Gaji Bulanan : RM ______ Lama Bekerja ☐☐ tahun

## BUTIR SUAMI/ISTERI PEMOHON

Nama : ______ No. K/P Baru : ______ No. K/P Lama: ______

Alamat Majikan : ______

Tel Pejabat: ______ Jawatan : ______ Gaji Bulanan :RM______ Tetap/Kontrak/Sementara * Lama Bekerja _____ tahun

## PENGAKUAN

Dengan ini saya/kami mengesahkan bahawa:

(1) Segala maklumat yang diberikan dan dokumen-dokumen yang disertai dalam permohonan ini adalah betul dan benar. Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap saya/kami sekira terdapat perubahan atau contengan pada penyata gaji. Kejadian sedemikian akan ditafsir sebagai penipuan; dan '

(2) Saya/Kami tidak pernah dikenakan tindakan undang-undang ataupun diisytiharkan muflis oleh mana-mana pihak lain; dan

(3) Saya/Kami membenarkan KOPERASI SERBAGUNA PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA BERHAD (KOPERASI PEKERJA) mendapatkan apa-apa maklumat berikutan dengan permohonan ini dari mana-mana sumber; dan

(4) Saya/Kami juga bersetuju bahawa bayaran ansuran bulanan adalah melalui potongan gaji oleh majikan/Arahan Tetap Bank.

(5) Saya/Kami bersetuju mematuhi syarat-syarat kemudahan pembiayaan kredit (KOPERASI PEKERJA). (KOPERASI PEKERJA) mempunyai hak untuk menolak mana-mana permohonan tanpa apa-apa sebab.

(x) ______
Tandantangan Pemohon
Tarikh: ______

(xx) ______
Tandantangan Penjamin
Tarikh: ______

## UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

PENDAPATAN & POTONGAN BULANAN (Mengikut Penyata Gaji)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Gaji Kasar | RM | RM | RM |
| 40% / 60% Gaji Kasar | RM | RM | RM |
| TOLAK : (Potongan) | RM | RM | RM |
| Gaji Bersih | RM | RM | RM |
| | | | |
| Jumlah Kelayakan | RM | | |
| Pembiayaan + Gaji Kasar | X | MAKLUMAT KELULUSAN | |
| ☐ DISOKONG | ☐ TIDAK DISOKONG | Harga Barangan | RM |
| | | Kos Takaful, Ahli Dll | RM |
| | | HARGA BELIAN | RM |
| Pegawai Pemerosesan | Tarikh | KADAR KEUNTUNGAN | % |
| Diluluskan/Tidak Diluluskan | | JUMLAH DILULUSKAN | RM |
| | | TEMPOH PEMBAYARAN | bulan |
| | | ANSURAN BULANAN | RM |
| Pengurus | Pengurus | ANSURAN BULANAN + BPA | RM |
| Tarikh | Tarikh | ANSURAN AKHIR | RM |

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan

PL1

Tarikh :

**SETIAUSAHA**
**KOPERASI SERBAGUNA PEKERJA–PEKERJA MALAYSIA BERHAD**
Bangunan Koperasi Pekerja
No 4, Jalan SS 19/1D,
47500 Subang Jaya,
Selangor.

Tuan/Puan,

**PENGESAHAN JAWATAN**

Nama : ..................................................................................................

No. K/Pengenalan : ............................................................

Adalah dimaklumkan bahawa penama tersebut diatas berkhidmat sebagai :

Jawatan sekarang : .................................................................................................

Tarikh mula berkidmat : ............................................................................ di jabatan/ sekolah ini.

Taraf perkidmatan : ..................................................................(tetap/kontrak/sementara)

Gaji semasa RM : ...........................................................

Elaun tetap RM : ...........................................................

Pada masa sekarang, pihak kami mengesahkan bahawa:

1. Tiada sebarang tindakan tatatertib telah diambil terhadap penama disebabkan jawatannya akan digantung atau dibuang kerja.
2. Penama tiada/telah memohon untuk cuti tanpa gaji/cuti belajar/berhenti kerja.
3. Penama tidak/akan bertukar jabatan/sekolah pada .............................

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Yang benar,

TANDATANGAN : ............................................................................

NAMA : ............................................................................

JAWATAN : ............................................................................

COP RASMI MAJIKAN :

Rujukan :

Tarikh :

**Setiausaha**
**Koperasi Serbaguna Pekerja-Pekerja Malaysia Berhad**
**Bangunan Koperasi Pekerja**
**No. 4, Jalan SS 19/1D**
**47500 subang Jaya**
**Selangor**

Tuan/Puan,

**KEBENARAN MENOLAK GAJI AKHIR (BERHENTI)**

Saya seperti nama di atas dengan ini membenarkan pihak **KOPERASI SERBAGUNA PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA BERHAD (KOSPEM)** menolak dari gaji akhir saya bagi menjelaskan baki pembiayaan dengan **KOSPEM.**

Satu Penyata baki pembiayaan akan dikeluarkan oleh **KOSPEM** untuk tuntutan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

______________________________
Nama:
No K/P:

Disaksikan Oleh : Tandatangan : ______________________________

Nama : ______________________________

No. K/p : ______________________________

Tarikh : ______________________________

Kepada

**KOPERASI SERBAGUNA PEKERJA–PEKERJA MALAYSIA BERHAD**
Bangunan Koperasi Pekerja
No 4, Jalan SS 19/1D,
47500 Subang Jaya,
Selangor.

Tuan/Puan,

**PERLANTIKAN WAKIL BAGI MENYEMPURNAKAN AKAD**

Saya ........................................................................................................ No. K/P ........................................ dengan ini akan menguruskan sendiri / melantik salah seorang dari kakitangan **KOPERASI SERBAGUNA PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA BERHAD (KOSPEM)** sebagai wakil saya bagi menyempurnakan Akad jualan dan Akad Belian berkaitan dengan pembiayaan peribadi No. Rujukan :........................................ dengan **KOSPEM**.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

______________________________
Nama :
No KP :
Tarikh :

KOSPEM

**KOPERASI SEBAGUNA PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA BERHAD** (Bil Daftaran: 4379-bth: 08-2-1968)
No. 6, Jalan SS 19/D
47500 Subang Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : (03) 5634 3902 / 5634 3968 Faks : (03) 5637 1405 / 5637 1972

# PERJANJIAN PENJUALAN ASET

## PERJANJIAN PENJUALAN ASET

Perjanjian ini dibuat pada............................ haribulan....................20….. DI ANTARA
**KOPERASI SERBAGUNA PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA BERHAD ( Bil Daftar : 4379-bth :08-2-1968) sebuah koperasi yang diperdadankan di bawah Akta Koperasi 1993, dan mempunyai alamat No. 6, Jalan SS 19/1D, 47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan (kemudian dari ini disebut sebagai "Koperasi") dipihak pertama;**

**DAN**

**ANGGOTA yang namanya dinyatakan di Seksyen (a) Lampiran A yang merupakan anggota Koperasi dimana namanya dinyatakan (kemudian dari ini disebut "Anggota") dipihak yang kedua;**

***BAHAWASANYA***

A. Anggota telah memohon dan Koperasi telah meluluskan kemudahan Pembiayaan peribadi Islam mengikut had maksima yang dinyatakan di Seksyen(b) Lampiran A (kemudian dari ini disebut "**Kemudahan**") tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini.

B. Berlandaskan prinsip Bai' Al-'Inah dan prosedur pembiayaan Koperasi, Koperasi, di atas permintaan Anggota, dengan ini bersetuju menjual aset yang dinyatakan di Seksyen (c) Lampiran A (kemudian dari ini disebut "**Aset**") dan Anggota dengan ini bersetuju membeli Aset yang sama pada harga belian yang tersebut di seksyen (d) Lampiran A (kemudian dari ini disebut "**Harga Jualan**") yang termasuk kadar keuntungan Koperasi secara ansuran tertakluk kepada terma yang terkandung di dalam Perjanjian ini.

**DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI seperti yang berikut:**

**1. Penjualan Aset**

1.1 Menurut prinsip Bai' Al-'Inah dan prosedur pembiayaan Koperasi, Koperasi, atas permintaan Anggota, dengan ini menjual Aset dan Anggota dengan ini membeli Aset mengikut Harga Jualan tertakluk kepada terma-terma yang terkandung di dalam Perjanjian ini.

1.2 Dengan memeterai Perjanjian ini, semua hakmilik dan kepentingan Aset hendaklah berpindah dan/atau sepatutnya berpindah dari Koperasi kepada Anggota.

**2. Pembayaran Harga Jualan**
Anggota bersetuju dan berakujanji untuk membayar Harga Jualan kepada Koperasi mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Koperasi pada masa dan dalam keadaan seperti yang dinyatakan di Seksyen(e) Lampiran A sehingga keseluruhan Harga Jualan diselesaikan sepenuhnya.

**3. Kejadian Mungkir**
Koperasi berhak menamatkan Kemudahan pada bila-bila masa dan menuntut bayaran penuh semua jumlah Harga Jualan dan apa-apa jumlah yang perlu dibayar oleh Anggota kepada Koperasi secara terus terhadap Anggota sekiranya salah satu kejadian berikut berlaku:-

i. Anggota gagal membayar mana-mana ansuran apabila tiba tarikh patut dibayar atau menjadi bankrap atau ketakmampuan bayar atau penghakiman telah diperolehi terhadap Anggota.

ii. Penerima atau Pemegang Amanah dilantik mengambil alih pemilikan harta benda Anggota atau apa-apa pelaksanaan telah diambil terhadap harta benda Anggota.

iii. Terjadi kemungkiran pada mana-mana perjanjian yang melibatkan pembiayaan wang atau pendahuluan kredit kepada Anggota yang memberikan hak kepada kreditor berkenaan untuk menamatkan kemudahan atau mempercepatkan bayaran atau menarik balik pendahuluan kredit.

iv. Kemungkiran terhadap mana-mana terma dan syarat di dalam Perjanjian ini.

v. Anggota meninggal dunia, bangkrap atau menjadi tidak siuman.

vi. Anggota bersara, tamat perkhidmatan dengan majikan sekarang atau atas apa-apa sebab sekalipun.

vii. Mana-mana dokumen sekuriti dan/atau dokumen sokongan tidak boleh disempurnakan atau menjadi tidak sah atas apa-apa alasan sekalipun.

viii. Perubahan di dalam undang-undang atau peraturan yang menyebabkan satu kesalahan kepada Koperasi untuk menyediakan Kemudahan ini kepada Anggota.

ix. Status keanggotaan Anggota di gantung dan/atau dibatalkan oleh Koperasi.

x. Sekiranya berlaku sebarang kejadian pada pendapat Koperasi memudaratkan kemampuan Anggota melaksanakan sebarang obligasi yang terkandung di dalam Perjanjian ini dan/atau mana-mana dokumen sekuriti dan/atau dokumen sokongan.

Tanpa mengambil kira perkara diatas, Koperasi berhak menarik balik Kemudahan menurut budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa termasuk sebelum penggunaan kemudahan jika difikirkan perlu, walaupun pada keadaan biasa, hak ini dijangka tidak akan dilaksanakan.

**4. Fi Guaman Dan Kos-Kos Lain**

i. Semua caj dan perbelanjaan sampingan berkaitan dengan penyediaan dan penyempurnaan dokumen-dokumen sekuriti dibayar oleh Anggota walaupun Anggota gagal menyempurnakan apa-apa dokumen sekuriti dan/atau menggunakan Kemudahan ini.

ii. Anggota perlu membayar semua caj dan perbelanjaan berkaitan dengan kemudahan ini termasuk fi peguamcara Koperasi sekiranya perlu untuk menuntut semula apa-apa wang yang diberikan kepada Anggota menurut Perjanjian ini melalui mana-mana proses undang-undang.

**5. Pembahagian**
Koperasi berhak membahagikan apa-apa bayaran yang diterima daripada Anggota sama ada sepenuhnya atau sebahagian untuk bayaran principal, keuntungan atau jumlah lain yang belum bayar mengikut turutan yang dianggap wajar oleh Koperasi.

**6. Keberasingan**
Pada bila-bila masa sepanjang Kemudahan ini tersedia, jika sebarang peruntukan yang terkandung di dalam Perjanjian ini menjadi tidak sah, tidak sahih dan tidak boleh dikuatkuasakan, ini tidak akan membatalkan dengan apa cara sekalipun peruntukan lain yang terdapat di dalam Perjanjian ini.

**7. Masa**
Masa, apabila dinyatakan, menjadi intipati dalam semua transaksi di bawah Kemudahan ini.

**8. Tiada Penolakan, Selesaian Oleh Pelanggan**
Semua bayaran yang dilakukan oleh Anggota adalah tanpa sebarang penolakan, penyelesaian atau tuntutan balas.

**9 Variasi Pada Terma**
Dengan ini dipersetujui dan dimaklumkan oleh kesemua pihak berkenaan walau apapun peruntukan dan terma yang bertentangan, mana-mana peruntukan dan terma boleh diubah pada bila-bila masa oleh pihak Koperasi dan sebarang perubahan kepada peruntukan dengan ini menjadi efektif dan merupakan sebahagian daripada Perjanjian pada masa perlaksanaan dengan syarat peruntukan dan terma tersebut adalah berlandaskan syariah.

**10. Akaun Gantung**
Wang yang diterima di bawah akaun ini akan disimpan di dalam akaun gantung tanpa sebarang pendapatan selama mana yang dianggap wajar oleh Koperasi. Koperasi mempunyai obligasi dan hak untuk menggunakan wang tersebut untuk membayar apa-apa wang atau liabiliti yang terhutang oleh Anggota.

**11. Pengikat Waris**
Perjanjian ini hendaklah terikat ke atas Anggota, warisnya, wakil diri dan pengganti (sekiranya perlu) dan hendaklah dikuatkuasakan oleh dan untuk kepentingan Koperasi, warisnya dan pengganti.

## PERJANJIAN PENJUALAN ASET (samb)

**12. Notis**
Sebarang notis boleh diserahkan kepada Anggota atau wakil Anggota melalui proses undang-undang samada secara peribadi atau dengan menghantar melalui pos biasa kepada alamat yang dinyatakan atau alamat terakhir Anggota yang diketahui untuk diserahkan dan notis yang dihantar akan dianggap sebagai telah diserahkan pada hari berikutnya selepas ianya diposkan.

**13. Kesan Keingkaran**
Tanpa mengambil kira terma-terma pembayaran di atas, sekiranya terdapat sebarang keingkaran terhadap mana-mana akaun, amaun dan/atau kemudahan bersama Koperasi atau mana-mana pihak yang, pada hemat Koperasi mampu menjejaskan kemampuan Anggota untuk memenuhi tanggungjawab Anggota terhadap Kemudahan ini, Koperasi berhak untuk menuntut pembayaran yang penuh terhadap mana-mana jumlah wang yang masih perlu dibayar kepada Koperasi dan/atau melaksanakan apa-apa langkah yang terkandung di sini dengan sewajarnya.

**14. Takrif**
Kepala surat, logo, tajuk-tajuk yang digunakan di sini hanya untuk memudahkan sahaja dan tidak boleh digunapakai dengan menterjemahkan terma-terma dan syarat-syarat di dalam Perjanjian ini.

**15.** Perjanjian ini tidak tertakluk kepada pembatalan oleh Anggota dan tiada masa atau keistimewaan lain yang diberi oleh Koperasi boleh menjejaskan hak-haknya di bawah perjanjian ini.

**16. Persetujuan Penyerahan Hak**
Kemudahan pembiayaan ini adalah juga tertakluk kepada syarat Anggota memberi persetujuan untuk membenarkan dan memberi hak eksklusif kepada Koperasi menjual dan menyerahkan segala haknya berkaitan dengan kemudahan pembiayaan peribadi ini kepada Maybank Islamic Berhad atau mana-mana firma atau individu termasuk segala hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Tuan/Puan secara perseorangan atau berkumpulan terhadap mana-mana amaun pembiayaan yang tertunggak atau belum dibayar, pengeluaran atau sebarang kos yang terbabit oleh Maybank Islamic Berhad atau mana-mana firma atau individu berkaitan tanpa merujuk kepada Tuan/Puan ataupun kepada Koperasi ataupun mana-mana pihak yang telah dilantik untuk mengruskan hal-ehwal harta Tuan/Puan.

**17.** Bahawasanya Anggota bersetuju :-

a. Membenarkan Majikan / Ketua Jabatan Anggota memotong gaji bulanannya atau menambah potongan gaji bulanan sebagai bayaran Harga Jualan sehingga selesai sepenuhnya.

b. Membenarkan baki dalam yuran dan simpanan Anggota diambil untuk bayaran balik Harga Jualan.

c. Tidak akan berhenti daripada menjadi anggota Koperasi sehingga Harga Jualan selesai dijelaskan.

d. Mematuhi segala syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Aturan Pengurusan Secara Islam.

Bagi pihak Koperasi Serbaguna Pekerja-Pekerja Malaysia Berhad

……………………………………………………………………………………………………………

X…………………………………………………………… Tarikh:
Tandatangan Anggota Masa:

Disaksikan oleh:

Nama:

No.KP:

…………………………………………………………… Tarikh:
Tandatangan Saksi Masa:

## LAMPIRAN A

| Seksyen | |
|---|---|
| ( a ) Pelanggan | Nama |
| | No Kp |
| | Alamat |
| ( b ) Kemudahan | RM<br>Ringgit Malaysia |
| ( c ) Asset | Akaun Pelaburan Am di Bank Rakyat |
| ( d ) Harga Jualan | RM<br>Ringgit Malaysia |
| ( e ) Bayaran Balik | Secara: Ansuran bulanan sebanyak RM………. setiap bulan selama ………bulan bermula dari bulan ………………20…… sehingga …………20…… yang dibuat dari potongan gaji bulanan oleh majikan atau melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (kemudian ini dipanggil "BPA")<br><br>Anggota hendaklah tanpa boleh dibatalkan mengarahkan majikan atau BPA supaya memotong dari gaji bulanannya, bayaran ansuran bulanan yang harus dibayar kepada Koperasi. Dalam keadaan apa sebab sekalipun, sekiranya urusan potongan gaji melalui majikan atau BPA terhenti atau tidak boleh dilakukan adalah menjadi tanggungjawab Anggota membayar ansuran Harga Jualan secara terus kepada Koperasi seperti yang tersebut di sini. |

KOSPEM

**KOPERASI SEBAGUNA PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA BERHAD** (Bil Daftaran: 4379-bth: 08-2-1968)
No. 6, Jalan SS 19/D
47500 Subang Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : (03) 5634 3902 / 5634 3968 Faks : (03) 5637 1405 / 5637 1972

# PERJANJIAN PEMBELIAN ASET

## PERJANJIAN PEMBELIAN ASET

Perjanjian ini dibuat pada............................ haribulan....................20….. DI ANTARA **KOPERASI SERBAGUNA PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA BERHAD ( Bil Daftar : 4379-bth :08-2-1968) sebuah koperasi yang diperdadankan di bawah Akta Koperasi 1993, dan mempunyai alamat No. 6, Jalan SS 19/1D, 47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan (kemudian dari ini disebut sebagai "Koperasi") dipihak pertama;**

**DAN**

**ANGGOTA** yang namanya dinyatakan di Seksyen (a) Lampiran A yang merupakan anggota Koperasi (kemudian dari ini disebut "**Pelanggan**") dipihak yang kedua;

**BAHAWASANYA**

A. Anggota telah memohon dan Koperasi telah meluluskan kemudahan pembiayaan peribadi Islam (kemudian dari ini disebut sebagai "**Kemudahan**") tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini.

B. Berlandaskan prinsip Bai' Al-'Inah dan prosedur pembiayaan Koperasi, Anggota dengan ini bersetuju menjual aset yang dinyatakan di Seksyen (b) Lampiran A (kemudian dari ini disebut sebagai "**Aset**") dan Koperasi dengan ini bersetuju membeli Aset yang sama pada harga belian yang tersebut di Seksyen (c) Lampiran A (kemudian dari ini disebut sebagai "**Harga Belian**") tertakluk kepada terma-terma yang terkandung di dalam Perjanjian ini.

**DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI seperti yang berikut:**

**1. Penjualan Aset**

1.1 Menurut prinsip Bai' Al-'Inah dan prosedur pembiayaan Koperasi, Anggota dengan ini menjual Aset dan Koperasi dengan ini membeli Aset mengikut Harga Belian tertakluk kepada terma-terma yang terkandung di dalam Perjanjian ini.

1.2 Dengan memeterai Perjanjian ini, semua hakmilik dan kepentingan Aset hendaklah berpindah dan/atau sepatutnya berpindah dari Anggota kepada Koperasi.

**2. Tujuan**

Anggota akan menggunakan Kemudahan untuk tujuan seperti yang disebut di Seksyen (d) Lampiran A di mana tujuan tersebut adalah tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Syariat.

**3. Pengeluaran Kemudahan**

Setelah memenuhi semua terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini, pengeluaran Kemudahan akan dibuat oleh Koperasi seperti berikut :

(a) ke dalam Akaun Anggota no : .................................................. di ..............................; atau

(b) melalui mana-mana cara yang dianggap sesuai oleh Koperasi di atas budi bicaranya.

**4. Syarat Terdahulu Pengeluaran Kemudahan**

i. Semua dokumen sekuriti dan dokumen sokongan yang diperlukan oleh Koperasi telah disempurnakan.

ii. Anggota telah mematuhi semua terma dan syarat yang ditetapkan oleh Koperasi seperti yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini.

iii. Tiada kejadian mungkir berlaku.

iv. Pengesahan Koperasi mengenai status keanggotaan Anggota.

v. Apa-apa syarat terdahulu yang dianggap perlu oleh Koperasi dari masa ke semasa.

**5. Kejadian Mungkir**

Koperasi berhak menamatkan Kemudahan pada bila-bila masa dan menuntut bayaran penuh semua jumlah yang perlu dibayar oleh Anggota kepada Koperasi secara terus terhadap Anggota sekiranya salah satu kejadian berikut berlaku:-

i. Anggota gagal membayar mana-mana ansuran apabila tiba tarikh patut dibayar atau menjadi bankrap atau ketakmampuan bayar atau penghakiman telah diperolehi terhadap Anggota oleh pihak ketiga.

ii. Penerima atau Pemegang Amanah dilantik mengambil alih pemilikan harta benda Anggota atau apa-apa pelaksanaan telah diambil terhadap harta benda Anggota.

iii. Terjadi kemungkiran pada mana-mana perjanjian yang melibatkan Pembiayaan wang atau pendahuluan kredit kepada Anggota yang memberikan hak kepada kreditor berkenaan untuk menamatkan kemudahan atau mempercepatkan bayaran atau menarik balik pendahuluan kredit.

iv. Kemungkiran terhadap mana-mana terma dan syarat di dalam Perjanjian ini.

v. Anggota meninggal dunia, bankrap atau menjadi tidak siuman.

vi. Anggota bersara, tamat perkhidmatan dengan majikan sekarang atau atas apa-apa sebab sekalipun.

vii. Mana-mana dokumen sekuriti dan/atau dokumen sokongan tidak boleh disempurnakan atau menjadi tidak sah atas apa-apa alasan sekalipun.

viii. Perubahan di dalam undang-undang atau peraturan yang menyebabkan satu kesalahan kepada Koperasi untuk menyediakan kemudahan ini kepada Anggota.

ix. Status keanggotaan Anggota digantung dan/atau dibatalkan oleh Koperasi.

x. Sekiranya berlaku sebarang kejadian pada pendapat Koperasi memudaratkan kemampuan Anggota melaksanakan sebarang obligasi yang terkandung di dalam perjanjian ini dan/atau mana-mana dokumen sekuriti dan/atau dokumen sokongan.

Tanpa mengambil kira perkara diatas, Koperasi berhak menarik balik kemudahan menurut budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa termasuk sebelum penggunaan kemudahan jika difikirkan perlu, walaupun pada keadaan biasa, hak ini dijangka tidak akan dilaksanakan.

**6. Fi Guaman Dan Kos-Kos Lain**

i. Semua caj dan perbelanjaan sampingan berkaitan dengan penyediaan dan penyempurnaan dokumen-dokumen sekuriti dibayar oleh Anggota walaupun Anggota gagal menyempurnakan apa-apa dokumen sekuriti dan/atau menggunakan Kemudahan ini.

ii. Anggota perlu membayar semua caj dan perbelanjaan berkaitan dengan Kemudahan ini termasuk fi peguamcara Koperasi sekiranya perlu untuk menuntut semula apa-apa wang yang diberikan kepada Anggota menurut Perjanjian ini melalui mana-mana proses undang-undang.

**7. Keberasingan**

Pada bila-bila masa sepanjang Kemudahan ini tersedia, jika sebarang peruntukan yang terkandung di dalam Perjanjian ini menjadi tidak sah, tidak sahih dan tidak boleh dikuatkuasakan, ini tidak akan membatalkan dengan apa cara sekalipun peruntukan lain yang terdapat di dalam Perjanjian ini.

**8. Masa**

Masa, apabila dinyatakan, menjadi intipati dalam semua transaksi di bawah kemudahan ini.

## PERJANJIAN PEMBELIAN ASET (samb)

**9. Variasi Pada Terma**

Dengan ini dipersetujui dan dimaklumkan oleh kesemua pihak berkenaan walau apapun peruntukan dan terma yang bertentangan, mana-mana peruntukan dan terma boleh diubah pada bila-bila masa oleh pihak Koperasi dan sebarang perubahan kepada peruntukan dengan ini menjadi efektif dan merupakan sebahagian daripada Perjanjian pada masa perlaksanaan.

**10. Pengikat Waris**

Perjanjian ini hendaklah terikat ke atas Anggota, warisnya, wakil diri dan pengganti (sekiranya perlu) dan hendaklah dikuatkuasakan oleh dan untuk Koperasi, warisnya dan pengganti.

**11. Notis**

Sebarang notis boleh diserahkan kepada Anggota atau wakil Anggota melalui proses undang - undang samada secara peribadi atau dengan mengahantar melalui pos biasa kepada alamat yang dinyatakan atau alamat terakhir Anggota yang diketahui untuk diserahkan dan notis yang dihantar akan dianggap sebagai telah diserahkan pada hari berikutnya selepas ianya diposkan.

**12. Kesan Keingkaran**

Sekiranya terdapat sebarang keingkaran terhadap mana-mana akaun dan/atau kemudahan bersama Koperasi atau mana-mana pihak yang, pada hemat Koperasi mampu menjejaskan kemampuan Anggota untuk memenuhi tanggungjawab Anggota terhadap Kemudahan ini. Koperasi berhak untuk menuntut pembayaran yang penuh terhadap mana-mana jumlah wang yang masih perlu dibayar kepada Koperasi dan/atau melaksanakan apa-apa langkah yang terkandung di sini dengan sewajarnya.

**13. Takrif**

Kepala surat, logo, tajuk-tajuk yang digunakan di sini hanya untuk memudahkan sahaja dan tidak boleh digunapakai dengan menterjemahkan terma-terma dan syarat-syarat di dalam Perjanjian ini.

**14.** Semasa perlanjutan ini Anggota adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Koperasi dengan serta merta mengenai apa-apa perubahan alamat baru sekiranya berpindah.

**15.** Perjanjian ini hendaklah disempurnakan dan berkuatkuasa serta mengikut ke atas pihak-pihak hanya apabila perkara yang sama di tandatangani oleh Koperasi atau bagi pihaknya dan hendaklah diberi tarikh yang dinyatakan.

**16. Persetujuan Penyerahan Hak**

Kemudahan pembiayaan ini adalah juga tertakluk kepada syarat Anggota memberi persetujuan untuk membenarkan dan memberi hak eksklusif kepada Koperasi menjual dan menyerahkan segala haknya berkaitan dengan kemudahan pembiayaan peribadi ini kepada Maybank Islamic Berhad atau mana-mana firma atau individu termasuk segala hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Tuan/Puan secara perseorangan atau berkumpulan terhadap mana-mana amaun pembiayaan yang tertunggak atau belum dibayar, pengeluaran atau sebarang kos yang terbabit oleh Maybank Islamic Berhad atau mana-mana firma atau individu berkaitan tanpa merujuk kepada Tuan/Puan ataupun kepada Koperasi ataupun mana-mana pihak yang telah dilantik untuk mengruskan hal-ehwal harta Tuan/Puan.

Bagi pihak Koperasi Serbaguna Pekerja-Pekerja Malaysia Berhad

…………………………………………………………………………………………………………

X…………………………………………………………… Tarikh:
Tandatangan Pelanggan Masa:

Disaksikan oleh:

Nama:

No.KP:

…………………………………………………………… Tarikh:
Tandatangan Saksi Masa:

## LAMPIRAN A

| Seksyen | |
|---|---|
| ( a ) Pelanggan | Nama |
| | No KP |
| | Alamat |
| ( b ) Asset | Akaun Pelaburan Am di Bank Rakyat |
| ( c ) Harga Belian | RM<br>Ringgit Malaysia |
| ( d ) Tujuan | |

**KOPERASI SEBAGUNA PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA BERHAD** (Bil Daftaran: 4375-bth: 08-2-1968)
No. 6, Jalan SS 19/D
47500 Subang Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : (03) 5634 3902 / 5634 3968 Faks : (03) 5637 1405 / 5637 1972

## SURAT TAWARAN PEMBIAYAAN PERIBADI

No. Rujukan :

Tarikh :

Nama Pemohon : ……………………………………………………………………………………………………………………..

Alamat : ……………………………………………………………………………..

……………………………………………………………………………..

……………………………………………………………………………..

……………………………………………………………………………..

Assalamualaikum / Salam Sejahtera Tuan / Puan,

**KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PERIBADI SEBANYAK RINGGIT MALAYSIA**

**……………………………………………………………………………………………………………………………………….**

**(RM …………………………………………........)**

---

Sukacita dimaklumkan bahawa Koperasi Serbaguna Pekerja–Pekerja Malaysia Berhad (KOSPEM) telah bersetuju meluluskan permohonan kemudahan Pembiayaan Peribadi tuan/puan di bawah konsep Bai' Al-'Inah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. **Harga Jualan** :

   RM…………………………..(Ringgit Malaysia :…………………………………………………………………………………………………...)

2. **Jumlah Kemudahan Oleh KOSPEM :**

   RM:……… ……………………..(Ringgit Malaysia :…………………………………………………………………………………………………..)

3. **Aset Asas**: Pelaburan Am di Bank Kerjasama Rakyat Berhad bernilai RM……………………….

4. **Tempoh Bayaran** : …………………………….

5. **Bayaran Bulanan** : RM…………………………………..

   **Yuran Bulanan** **:** RM…………………………………..

6. **Cara Bayaran** :

   Bayaran secara ansuran setiap bulan daripada potongan gaji bulanan hendaklah dibayar melalui **Biro Perkhidmatan Angkasa**. Tanpa menjejaskan peruntukan di atas, pelanggan mestilah membuat bayaran bulanan terus kepada KOSPEM:

   i) Sehingga potongan gaji oleh Biro Perkhidmatan Angkasa berkuatkuasa; dan/atau;

   ii) Sekiranya potongan gaji tersebut tidak dikirimkan kepada atau tidak diterima oleh pihak Koperasi atas apa-apa alasan sekalipun.

7. **Bayaran fi:**

Tuan/Puan dikehendaki menjelaskan bayaran-bayaran berikut pada masa menerima tawaran ini ataupun keseluruhan jumlah bayaran berikut akan dipotong dari jumlah pembiayaan Tuan/Puan:-

| | | |
|---|---|---|
| a) | Yuran proses | : RM |
| b) | Takaful / TKH | : RM |
| c) | Duti Setem | : RM |
| d) | Risiko Pembiayaan | : RM |
| e) | Yuran 6 bulan | : RM |
| f) | Pendahuluan Bayaran | : RM |
| g) | | : RM |
| h) | | : RM |
| | **Jumlah** | **: RM** |

8. **Syarat-syarat Pengeluaran** :

Pengeluaran akan dibuat kepada Tuan /Puan setelah :-

i) Surat Tawaran ini ditandatangani oleh Tuan/Puan;

ii) Perjanjian Penjualan Aset telah ditandatangani;

iii) Perjanjian Pembelian Aset ditandatangani;

iv) lain-lain dokumen berkaitan telah disempurnakan; dan

iii) segala bayaran-bayaran yang berkaitan telah disempurnakan ataupun pihak Tuan/Puan telah memberi persetujuan bayaran-bayaran yang berkaitan dipotong dari jumlah pembiayaan Tuan/Puan.

9. **Penjelasan Awal**

Tuan/Puan boleh menamatkan kemudahan ini dengan menjelaskan baki pembiayaan tertunggak dan lain-lain kos sebenar (sekiranya ada) sepenuhnya. Tuan/Puan akan diberi rebet atas budi bicara Koperasi dari jumlah asal pembiayaan dan kadar keuntungan yang dikenakan.

Tertakluk kepada perenggan di atas, penjelasan penuh tidak boleh dibuat dalam masa enam(6) bulan sebelum tarikh perpindahan hak penerimaan (receivable) yang dilaksanakan di antara pihak Koperasi dengan pembiaya pihak Koperasi.

10. **Caj Lewat Bayaran (CBL)**

10.1 Adalah dipersetujui oleh semua pihak bahawa kami mempunyai hak untuk pampasan atas ansuran lewat bayar dan bayaran mungkir, berlandaskan mekanisma seperti di bawah:-

(i) Ansuran Tertunggak atau Bayaran Berjadual

Atas kegagalan membayar apa jua ansuran atau apa jua bayaran yang cukup tempoh dari tarikh kemudahan yang pertama kali dikeluarkan sehingga tarikh matangnya, satu jumlah caj bayaran lewat bersamaan satu peratus (1%) atas ansuran atau bayaran tertunggak atau melalui kaedah lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM);

(ii) Apabila Matang

Atas kegagalan membayar apa jua ansuran atau apa jua bayaran yang cukup tempoh dan kegagalan itu melampaui Tarikh Matang kemudahan atau apabila mendapat penghakiman, yang mana dahulu, pada kadar CBL iaitu purata kadar semalaman harian Pasaran Wang antara Bank secara Islam atas baki tertunggak yang cukup tempoh bayaran atau melalui kaedah lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dari masa ke semasa.

10.2 Meskipun jumlah CBL dicaj, adalah diakui dan dipersetujui bahawa jumlah CBL tersebut tidak dikompaun seterusnya.

10.3 CBL yang dirujuk pada klausa 9.1 di atas hendaklah digunakan atas jumlah penghakiman dan dikenakan dari tarikh penghakiman dibuat sehingga tarikh bayaran dibuat.

Kadar yang dikenakan juga adalah tertakluk kepada perubahan mengikut budicara Koperasi yang akan ditetapkan dari masa ke semasa.

11. **REBAT (IBRA')**

11.1 Pihak kami akan memberi rebat (*Ibra'*) kepada pelanggan pada, tetapi tidak terhad kepada, situasi-situasi berikut:

(a) Pelanggan membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk yang berpunca dari bayaran terdahulu;
(b) Sekiranya Kadar Keuntungan Efektif lebih rendah dari Harga Jualan; dan
(c) Sekiranya jumlah pembiayaan dikeluarkan sebenar adalah rendah dari Jumlah Kemudahan.

Bagi mengelak keraguan, adalah diperakui dan dipersetujui bahawa rebat-rebat berkenaan tidak boleh dianggap sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada pelanggan, tetapi diterjemahkan sebagai tolakan dari elemen keuntungan bayaran ansuran Kemudahan tersebut. Rebat berkenaan hanya akan diberikan selepas penerimaan jumlah penyelesaian/penebusan sebagaimana ditentukan oleh Bank berdasarkan formula di bawah:

| **Baki Harga Jualan Bank** | **Tolak** | **Baki Jumlah Kemudahan** | **Tolak** | **Amaun Lain yang Perlu Dibayar kepada Bank** |
|---|---|---|---|---|

12. **Penghantaran Notis**

Sebarang pertukaran alamat hendaklah segera dimaklumkan kepada pihak Koperasi secara bertulis. Sebarang surat menyurat, notis atau tuntutan yang dihantar secara pos biasa atau berdaftar menggunakan alamat tersebut di atas atau alamat terakhir yang diketahui oleh Koperasi hendaklah dianggap telah disampaikan dan diterima pada masa dan dengan cara pada kebiasaannya surat tersebut diserahkan.

13. **Penyampaian Proses Perundangan**

Penyampaian semua proses undang-undang, adalah dianggap telah sah disampaikan sekiranya telah diposkan melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada Tuan/Puan di alamat yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran ini atau kepada alamat terakhir yang diberikan oleh Tuan/Puan secara bertulis kepada kami dan proses tersebut sama ada saman atau sebaliknya adalah dianggap telah disampaikan dengan sempurna selepas tujuh (7) hari ia diposkan.

14. **Persetujuan Penyerahan Hak**

Kemudahan pembiayaan peribadi ini adalah juga tertakluk kepada syarat Tuan/Puan memberi persetujuan:-

a) untuk membenarkan dan memberi hak eksklusif kepada KOSPEM menjual dan menyerahkan segala haknya berkaitan dengan kemudahan pembiayaan peribadi ini kepada Maybank Islamic Berhad atau mana-mana firma atau individu termasuk segala hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Tuan/Puan secara perseorangan atau berkumpulan terhadap mana-mana amaun pembiayaan yang tertunggak atau belum dibayar, pengeluaran atau sebarang kos yang terbabit oleh Maybank Islamic Berhad atau mana-mana firma atau individu berkaitan tanpa merujuk kepada Tuan/Puan ataupun kepada KOSPEM ataupun mana-mana pihak yang telah dilantik untuk menguruskan hal-ehwal harta Tuan/Puan.

15. **Ketulenan Maklumat**

Kelulusan kemudahan pembiayaan peribadi ini kepada Tuan/Puan adalah berdasarkan kepada ketulenan maklumat yang telah diberikan oleh Tuan/Puan di dalam Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi yang telah ditandatangani oleh Tuan/Puan. Sekiranya terdapat sebarang maklumat yang tidak tulen atau tidak betul ataupun sebarang pemalsuan maklumat-maklumat yang telah diberikan, tanpa prejudis Koperasi mempunyai hak untuk mengambil sebarang tindakan samaada perundangan atau tidak termasuk menarik balik pembiayaan ini.

16. **Syarat-syarat Lain**

(i) Sistem daftar Financial Information Services Sdn. Bhd. (FIS)

Adalah menjadi satu syarat pembiayaan ini bahawa Tuan/Puan memberi persetujuan kepada KOSPEM untuk memasukkan segala maklumat berkenaan pembiayaan Tuan/Puan ke dalam sistem daftar Financial Information Services Sdn. Bhd. (FIS) dan/atau mana-mana Syarikat lain atau Agensi yang seumpama dengannya untuk kegunaan semua ahli atau penyumbang kepada Syarikat/Agensi tersebut. Walaubagaimanapun, maklumat tersebut adalah disimpan secara sulit oleh pihak Syarikat/Agensi dan semua anggota/penyumbang.

(ii) Pendedahan Maklumat

Tuan/Puan memberi persetujuan kepada KOSPEM untuk mendedahkan mana-mana maklumat berkenaan dengan Tuan/Puan (termasuk akaun Tuan/Puan yang dibuka dari masa ke semasa), laporan atau dokumen yang berkenaan dengan pembiayaan ini kepada:

(a) Juru audit, wakil perundangan dan penasihat profesionalnya;
(b) pihak yang menyediakan sekuriti (jika ada);
(c) Penerima serah hak yang berpotensi atau mana-mana pihak lain boleh memasuki perjanjian bersama Koperasi.
(d) berkaitan dengan *subpoena* atau proses perundangan atau tindakan, dakwaan atau prosiding yang berkenaan dengan pembiayaan ini; atau
(e) berkaitan dengan keperluan perundangan.

17. **UNDANG-UNDANG**

Terma dan syarat ini hendaklah tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan pihak-pihak di dalam dokumen ini tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah di Malaysia.

Tuan/Puan dikehendaki menandatangani kesemua dokumen pembiayaan yang berkaitan dalam tempoh TIGA PULUH (30) HARI dari tarikh persetujuan Tuan/Puan ke atas tawaran pembiayaan ini. Segala bayaran guaman dan perbelanjaan yang bersangkutan dengan urusan ini adalah di atas tanggungan Tuan/Puan walaupun Tuan/Puan memutuskan untuk tidak meneruskan urusan dokumentasi selepas menandatangani surat tawaran ini. Sekiranya pihak kami tiada menerima sebarang maklum balas daripada pihak Tuan/Puan dalam tempoh yang ditetapkan, maka dengan sendirinya tawaran ini dianggap batal.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

……………………………………………………

**Koperasi Serbaguna Pekerja-Pekerja Malaysia Berhad**

---

**PERSETUJUAN DAN PENERIMAAN**

Saya bersetuju menerima tawaran ini dengan syarat-syarat seperti di atas. Saya juga mengaku bahawa saya tidak diisytiharkan muflis semasa menerima tawaran ini.

**X**……………………………………………

Nama :…………………………………………………………………….

No. K/P :…………………………………………………….

Tarikh : …………………………………………………

KOSPEM

KOPERASI SEBAGUNA PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA BERHAD (Bil Daftaran: 4375-bth: 08-2-1968)
No. 6, Jalan SS 19/D
47500 Subang Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : (03) 5634 3902 / 5634 3968 Faks : (03) 5637 1405 / 5637 1972

Tarikh: ☐☐ – ☐☐ – ☐☐☐☐

**Tuan,**

## PERMOHONAN MENJADI ANGGOTA

Saya memohon menjadi anggota Koperasi ini dan maklumat-maklumat mengenai diri saya adalah seperti berikut:-

### A PERIBADI

(i) Nama penuh:

[DENGAN HURUF BESAR MENGIKUT KAD PENGENALAN]

(ii) No. Kad Pengenalan: Lama (iii) Baru ☐☐☐☐☐☐ – ☐☐ – ☐☐☐☐

(iv) Tarikh Lahir: H B T (v) Umur: (vi) Bangsa:
[Melayu/Cina/India/Lain-lain]

(vii) Tempat dan Negeri Lahir: (viii) Warganegara:

(ix) Jantina:
[Lelaki/Perempuan]

(x) Taraf Perkahwinan: (Kahwin/Bujang/Janda/Duda)

(xi) Alamat Rumah dengan penuh

Poskod No. Telefon

### B MAJIKAN

(xii) Tarikh Mula Berkhidmat: H B T (xiii) Gaji Pokok (s.b.): RM

(xiv) No. Gaji/Pekerja: Staff No. (xv) Jabatan/Bahagian Seksyen

(xvi) Jawatan:

(xvii) Nama Syarikat/ Pejabat:

(xviii) Alamat Pejabat/ Syarikat dengan penuh:

Pos Kod No. Telefon

Sambungan: ____________

Jika menjadi anggota koperasi lain, sila nyatakan:-

(xix) Nama Anggota Koperasi Lain } (i) ____________
(ii) ____________

## IKRAR ANGGOTA

a) Saya mengaku bahawa sekiranya diterima menjadi anggota saya akan sentiasa patuh dan terikat kepada Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 1995, Undang-Undang Kecil Koperasi serta sebarang pindaan dan pengubahsuaian yang diperbuatnya dari masa ke semasa, aturan-aturan aktiviti, keputusan Mesyuarat Agung serta semua syarat dan keputusan serta arahan-arahan Lembaga Koperasi.

b) Saya mengakui dan mengesahkan bahawa saya bukanlah seorang Bankrap dan saya tidak mengambil sebarang langkah untuk dihukum sebagai Bankrap pada ketika membuat permohonan menjadi anggota ini.

c) Saya bukanlah seorang yang disabitkan atas satu kesalahan yang boleh daftar.

d) Saya bukanlah seorang yang hilang keupayaan dari segi mental dan saya tidak bercatat-cela disisi Undang-undang.

e) Saya tidak dibuang daripada keanggotaan mana-mana Koperasi dan tempoh selama satu tahun belum lagi berlaku dari tarikh pembuangan itu.

f) Saya adalah seorang Warganegara Malaysia dan telah mencapai umur 18 tahun.

g) Saya bersetuju bahawa keanggotaan saya ini akan lucut dengan sendiri sekiranya saya gagal membayar caruman/yuran terus menerus selama tiga bulan atau lebih dari apa-apa jua sebab pun.

h) Sekiranya saya diterima menjadi anggota saya bersetuju membeli saham yang ditetapkan oleh Koperasi dibayar sekaligus atau ansuran selama tidak lebihi 10 bulan serta mencarum tiap-tiap bulan minima sebanyak RM20.00 sebulan untuk yuran dan sebanyak RM10.00/RM20.00 untuk fee masuk mengikut undang-undang kecil Koperasi ini.

i) Saya mengesahkan bahawa potongan bulanan dari gaji saya yang ditetapkan oleh Koperasi ini tidak akan diubah/pindah/hentikan oleh saya tanpa kebenaran Koperasi ini terlebih dahulu secara bertulis.

j) Saya mengizinkan Majikan/Syarikat saya untuk membuat potongan dari gaji saya sebanyak RM .............................. pada setiap bulan bermula dari bulan .......................................20...............

k) Saya telah menjadi anggota dalam Koperasi ini dahulu dan berhenti sebagai anggota pada ....................................20........ dan nombor keanggotaan lama saya ialah .......................................

Yang benar,

.....................................................

Ditandatangani oleh saya di hadapan: Tandatangan Pemohon

---

| **PENCADANG** | **PENYOKONG** |
|---|---|
| Nama: .................................................... | Nama: .................................................... |
| N0. K/P: ................................................. | N0. K/P: ................................................. |
| No. Keanggotaan: ................................. | No. Keanggotaan: ................................. |
| .............................................................<br>Tandatangan | .............................................................<br>Tandatangan |

---

**(KEGUNAAN RESMI KOPERASI)**

Permohonan menjadi anggota telah diluluskan/tidak diluluskan oleh Lembaga Koperasi dalam

Mesyuaratnya yang telah bersidang pada [ ][ ] [ ][ ] 20 [ ][ ]  No.keanggotaan [ ][ ][ ][ ][ ]

Tarikh menjadi Anggota: ..........................................................

No. Resit: [ ][ ][ ][ ][ ][ ][ ][ ]  Tarikh dikeluarkan:......................  Tandatangan:.......................................

| Butir-butir telah dimasuk dalam komputer | |
|---|---|
| | |
| Tandatangan | Tarikh |

.............................................<br>Pengerusi/Setiausaha

.....................................................<br>Bendahari/Ketua Pegawai Eksekutif

---

**Peringatan dan Nota Penting**

a) Sila isikan borang ini dengan penuh, lengkap dan terang dengan HURUF BESAR.

b) Sila lampirkan salinan fotostat kad pengenalan untuk memproses permohonan.

c) Anggota Kerajaan dan Agensi Kerajaan semesti isi Borang Angkasa BPA.

d) Sila lampirkan kertas/kenyataan gaji terbaharu.

KOSPEM

**KOPERASI SEBAGUNA PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA BERHAD** (Bil Daftaran: 4375-bth: 08-2-1968)
No. 6, Jalan SS 19/D
47500 Subang Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : (03) 5634 3902 / 5634 3968 Faks : (03) 5637 1405 / 5637 1972

Kepada,
Setiausaha
Koperasi Pekerja
No. 4, Jalan SS 19/1D,
47500 Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Tuan,

## BORANG PENAMAAN

Di bawah peruntukan-peruntukan Ordinan Syarikat-Syarikat Kerjasama, saya (Nama penuh dengan HURUF BESAR)........................................................................................................No. anggota....................................................................

seorang anggota Koperasi Serbaguna Pekerja-Pekerja Malaysia Berhad menamakan:-

(a) ..........................................................................................................
(Nama penuh dengan huruf besar)

Alamat..........................................................................................................

Pekerjaan......................................................................................................

Talian persaudaraan kepada anggota (jika ada)..................................................

Umur penamaan......................................K/P No................................................

(b) ..........................................................................................................
(Nama penuh dengan huruf besar)

Alamat..........................................................................................................

Pekerjaan......................................................................................................

Talian persaudaraan kepada anggota (jika ada)..................................................

Umur penamaan......................................K/P No................................................

sebagai orang/orang-orang kepadanya faedah saham /yuran saya atau nilai saham /yuran yang sedemikian itu atau faedah dan semuanya lain-lain wang yang disebutkan di Seksyen 22 dalam Ordinan, yang harus di punyai oleh saya, harus atas kematian saya, di bayar atau di tukarkan di bawah peruntukan-peruntukan Seksyen yang tersebut.

( dimana lebih dari satu penamaan telah di lantik)

Saya berhajat bahwa saham /yuran yang tersebut dan/atau faedah dan/atau wang-wang di bahagikan di antara mereka yang di namakan di atas seperti perimbangan yang berikut:-

(a) .........................................................(pecahan kecil).....................................%

(b) .........................................................(pecahan kecil).....................................%

Jumlah 100%

Di tandatangani oleh saya di hadapan: ..........................................................................................
(Tanda tangan anggota)

Bertarikh hari ..........................................bulan ...........................................................20............................

1) Nama Saksi ...............................................................
(Huruf Besar)

Alamat ......................................................................

......................................................................

Tanda tangan saksi ..................................................

2) Nama Saksi...............................................................
(Huruf Besar)

Alamat ......................................................................

......................................................................

Tanda tangan saksi ..................................................

**ARAHAN PENYELESAIAN PENUH BAKI PEMBIAYAAN SEDIA ADA**
***(Untuk diisi sekiranya memohon penyelesaian pembiayaan sedia ada*)**

Tarikh :

Nama Pemohon : ..............................................
Alamat Pemohon : ..............................................
..............................................
..............................................
..............................................

Kepada

Setiausaha
**Koperasi Serbaguna Pekerja – Pekerja Malaysia Berhad**
Bangunan Koperasi Pekerja
No. 4, Jalan SS 19/1D
47500 Subang Jaya
Selangor

Tuan / Puan,

**ARAHAN PENYELESAIAN PENUH BAKI PEMBIAYAAN SEDIA ADA**

Saya dengan ini memberi arahan kepada pihak Koperasi Serbaguna Pekerja-Pekerja Malaysia Berhad untuk membuat pembayaran penyelesaian penuh pembiayaan sedia ada saya dengan Institusi Kewangan seperti berikut:

| No | Institusi Kewangan / Koperasi | Ansuran Bulanan (RM) | Jumlah Baki Pembiayaan (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | | | |
| 2 | | | |
| 3 | | | |
| 4 | | | |
| 5 | | | |
| | **Jumlah** | | |

Saya memberi kuasa penuh kepada pihak tuan/puan untuk menguruskan permohonan penyelesaian pembiayaan sedia ada saya dan membuat potongan bagi pembayaran jumlah di atas daripada jumlah permohonan yang diluluskan.

Saya juga memberi kuasa penuh kepada pihak tuan/puan bagi menguruskan pembayaran penyelesaian di atas secara langsung dengan Institusi Kewangan yang dinyatakan di mana resit rasmi asal akan diserahkan kepada pihak tuan/puan bagi tujuan permohonan pembiayaan saya.

Saya faham dan bersetuju bertanggungjawab penuh untuk melindungi pihak tuan/puan daripada sebarang kerugian yang mungkin timbul di atas arahan ini.

Saya juga faham bahawa saya tidak dibenarkan membuat apa-apa pembiayaan baru yang boleh menyebabkan permohonan saya tidak diluluskan/atau dibatalkan oleh pihak koperasi setelah penyelesaian di atas dibuat.

Yang benar,

............................................
**Nama:**
**No. K/P:**

Rujukan :

Tarikh :

Kepada

**Setiausaha**
**KOPERASI SERBAGUNA PEKERJA–PEKERJA MALAYSIA BERHAD**
Bangunan Koperasi Pekerja
No 4, Jalan SS 19/1D,
47500 Subang Jaya,
Selangor.

Tuan/Puan,

## SURAT KEBENARAN POTONG GAJI

Dengan surat ini maka saya yang bertandatangan di bawah ini memohon dan membenarkan tuan/puan memotong :

RM__________________ (Ringgit :________________________________________________) dari gaji saya pada tiap-tiap bulan mulai daripada gaji bulan ____________________ untuk kira-kira seperti berikut :

(a) Yuran Bulanan Anggota : RM__________________

(b) Ansuran Bulanan : RM__________________

Jumlah : RM__________________

Saya memohon dan membenarkan tuan/puan menyampaikan wang-wang potongan itu kepada Koperasi Serbaguna Pekerja-Pekerja Malaysia Berhad dangan seberapa segera mungkin.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

___________________________

Nama:
No K/P:

KEPADA :

**KOPERASI SERBAGUNA PEKERJA–PEKERJA MALAYSIA BERHAD**
Bangunan Koperasi Pekerja
No 4, Jalan SS 19/1D,
47500 Subang Jaya,
Selangor.

**SURAT AKUAN PENGESAHAN ANSURAN BULANAN**

Saya_____________________________________________________

Bernombor kad pengenalan_______________________________________

Mempunyai ansuran bulanan seperti berikut:

| BIL | BANK / KOPERASI / LAIN-LAIN | JENIS PEMBIAYAAN | JUMLAH ANSURAN BULANAN (RM) |
|---|---|---|---|
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

Dengan ini saya mengesahkan bahawa maklumat yang diberi di atas adalah benar.

Sekian, terima kasih.

________________________ ________________________

Tandatangan Tarikh

TARIKH :

SETIAUSAHA
KOPERASI SERBAGUNA PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA BERHAD
NO 4 JALAN SS19/1D
47500 SUBANG JAYA
SELANGOR

Tuan/Puan

**SURAT AKUAN PENGESAHAN TANGGUNGAN HUTANG**

Saya yang bernama______________________________________________

Bernombor Kad Pengenalan :______________________

Mengesahkan bahawa saya tiada pinjaman luar dan lain lain hutang bayaran ansuran selain daripada potongan dari penyata gaji saya.

Sekian terima kasih.

Yang Benar

___________________________
Nama :
No K/P :

**NOTIS / KEIZINAN OLEH ANGGOTA**

Saya, ........................................................................................ (No K/P: ..........................................) DENGAN INI MENGAKUI MEMBENARKAN DAN MEMBERI HAK EKSKLUSIF kepada KOPERASI SERBAGUNA PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA BERHAD menyerahkan segala haknya berkaitan dengan kemudahan pembiayaan peribadi ini kepada MAYBANK ISLAMIC BERHAD seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran bertarikh ......................................., Perjanjian Pembelian Aset bertarikh................................... dan Perjanjian Jualan Aset bertarikh............................................... yang telah dikemukakan kepada saya secara penghantaran salinan sah dan telah diterima.

Bertarikh pada ........................ ........................... 20 ........

Ditandatangani oleh anggota : X ..........................................

Dalam kehadiran : ................................................

Nama:

No Kad Pengenalan:

Maybank

**Borang PDPA untuk pelanggan-pelanggan individu**

Sila lengkapkan dengan HURUF BESAR

Nama: ______________________________

No KP: ______________________________

Untuk memproses permohonan ini dan selanjutnya meneruskan perlaksanaan perjanjian-perjanjian kontrak yang dimeterai antara anda dan mana-mana entiti dalam Kumpulan Maybank, kami mungkin perlu mendedahkan data peribadi anda kepada entiti-entiti lain dalam Kumpulan Maybank dan pihak-pihak luar yang lain. Kumpulan Maybank merujuk kepada Malayan Banking Berhad ("Maybank"), termasuk cawangan-cawangannya di Malaysia dan di negara-negara lain serta juga anak-anak syarikat tempatan dan luar negara. Pihak luar yang kami dedahkan data peribadi anda mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada (1) badan-badan kerajaan dan kawal selia seperti Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti, (2) rakan-rakan niaga strategik kami seperti CAGAMAS dan agen-agen pemungutan hutang, (3) vendor-vendor penyumberan luar seperti vendor-vendor yang bekerja dengan kami untuk penyelenggaraan dan penyimpanan data peribadi anda. Pihak-pihak ini mungkin memperolehi dan/atau memproses data peribadi anda di dalam atau di luar Malaysia.

Di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010, kami dikehendaki memperolehi persetujuan jelas anda apabila kami mengumpul dan memproses data peribadi sensitif anda. Kami mengumpul data peribadi sensitif anda untuk menilai permohonan anda dan untuk mentadbirkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang anda telah meterai perjanjiannya.

Dari semasa ke semasa, kami, termasuk entiti-entiti lain dalam Kumpulan Maybank atau ejen-ejen kami atau rakan-rakan strategik atau pihak-pihak ketiga lain sedemikian (secara kolektif, "entiti-entiti lain") mungkin memiliki maklumat tentang produk-produk, perkhidmatan-perkhidmatan dan promosi-promosi yang mungkin menarik minat anda. Untuk mendapatkan maklumat sedemikian, persetujuan anda diperlukan untuk kami memproses, mendedah dan/atau berkongsi maklumat/data anda dengan entiti-entiti lain. Selanjutnya, sila letakkan pilihan anda dengan menandakan kotak berkenaan dalam deklarasi di bawah.

**Deklarasi**

Dengan menandatangani borang ini, saya mengisytiharkan bahawa saya telah baca dan fahami serta bersetuju untuk tertakluk kepada Notis Privasi Kumpulan Maybank dan menyatakan persetujuan dan memberi kuasa kepada Kumpulan Maybank :

- untuk meminta dan memperolehi kesemua maklumat dan data peribadi dalam borang ini bagi tujuan memproses permohonan ini dan semua tujuan-tujuan lain yang diperlukan berkaitan dengan mana-mana produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kumpulan Maybank.
- untuk mendedahkan data peribadi saya kepada entiti-entiti lain dalam Kumpulan Maybank dan pihak-pihak luar lain apabila diperlukan.
- untuk mengumpul dan memproses data sensitif peribadi saya untuk tujuan permohonan ini (yang mana berkaitan).

Dengan menandatangani borang ini, saya/kami seterusnya mengesahkan bahawa kesemua data peribadi yang saya/kami telah berikan adalah semuanya benar, terkini dan tepat. Sekiranya terdapat apa-apa perubahan pada mana-mana data peribadi saya/kami, saya/kami akan memaklumkan kepada Kumpulan Maybank dengan serta merta..

Berkenaan dengan bahan-bahan promosi dan pemasaran:

☐ Ya, saya/kami menyatakan persetujuan untuk Kumpulan Maybank dan/atau entiti-entiti lain memproses data peribadi saya/kami untuk tujuan promosi dan pemasaran.

☐ Tidak, saya/kami tidak bersetuju untuk Kumpulan Maybank dan/atau entiti-entiti lain memproses data peribadi saya/kami untuk tujuan promosi dan pemasaran

Tandatangan: ______________________________

Tarikh: ________________